



SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

SAYEMBARA PENULISAN KREATIF MASTERA

1. Mengenai Sayembara Ini

Penulisan kreatif dapat menyerlahkan bakat individu dalam bidang penulisan. Cerpen dan puisi merupakan antara genre yang dikenali dan diminati oleh masyarakat. Oleh yang demikian, sayembara ini menggariskan beberapa perkara penting, iaitu:

- i. Mempunyai mesej atau pengajaran kepada pembaca.
- ii. Teknik dan gaya bahasa yang sesuai dengan jalan cerita dan dapat dihayati oleh pembaca.
- iii. Membentuk pemikiran yang positif.
- iv. Persembahan teknik, olahan cerita, kronologi peristiwa dan diksi menepati ciri-ciri cerpen dan puisi.

Objektif sayembara ini seperti berikut:

- i. Mengembangkan bakat dan karya kreatif dalam kalangan masyarakat negara anggota Mastera.
- ii. Memartabatkan sastera, bahasa dan budaya serantau.
- iii. Memperbanyak penerbitan bahan sastera bermutu dalam bahasa Melayu/Indonesia.

2. Syarat-syarat Penyertaan

- i. Terbuka kepada warganegara negara Singapura yang berumur 40 tahun dan ke bawah.
- ii. Karya hendaklah dalam bahasa Melayu/Indonesia.

- iii. Karya yang dihasilkan mestilah karya asli peserta. Sebarang karya plagiat, terjemahan, atau karya yang pernah disiarkan di mana-mana automatik.
- iv. Karya tidak boleh menyentuh sensitiviti, subversif dan negatif mana-mana pihak.
- v. Setiap karya menjadi hak Mastera dan sebarang penerbitan tidak dibenarkan kecuali dengan kebenaran.
- vi. Peserta dibenarkan menghantar tidak lebih daripada tiga karya yang berbeza untuk sayembara ini.
- vii. Peserta mestilah bersedia untuk menandatangani dokumen undang-undang yang mengesahkan keaslian karya yang dikirim. Pihak Mastera berhak meminta sebarang keterangan lanjut berhubung dengan karya tersebut.
- viii. Penyertaan yang tidak memenuhi atau melanggar syarat tidak akan dipertimbangkan.
- ix. Pihak Mastera mempunyai hak untuk menyunting karya yang diuruskan penerbitannya bagi pihak penulis.
- x. Nama dan maklumat peserta tidak boleh ditulis pada halaman karya.

3. Format Penulisan

Sayembara ini dibahagikan kepada dua kategori seperti yang berikut:

- i. Cerpen
- ii. Puisi

Kategori	Kriteria penyertaan
Cerpen	<ul style="list-style-type: none"> 1. Karya perlu bertaip bersih pada sebelah muka surat kertas A4 dengan jarak langkau dua baris dan menggunakan saiz 12 poin jenis fon Arial. 2. Panjang karya adalah antara 2000 hingga 2500 patah perkataan.

Puisi	<ol style="list-style-type: none"> 1. Karya perlu bertaip bersih pada sebelah muka surat kertas A4 dengan jarak langkau dua baris dan menggunakan saiz 12 poin jenis fon Arial. 2. Panjang karya adalah antara 20 hingga 35 baris.
--------------	------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

4. Penilaian

- i. Keputusan panel penilai adalah muktamad.
- ii. Sekiranya selepas keputusan diumumkan, pihak Mastera mendapati peserta melanggar syarat penyertaan, pihak Mastera berhak menarik kembali hadiah pertandingan dan membatalkan kemenangannya.
- iii. Kriteria penilaian adalah seperti yang berikut:
 - i. Kekuatan kesatuan organik karya.
 - ii. Kekuatan dan keaslian persoalan yang ditampilkan secara matang.
 - iii. Keseimbangan estetika bahasa dengan persoalan kemanusiaan.
 - iv. Keindahan moral.
 - v. Kesesuaian nilai.
 - vi. Inovasi dalam kreativiti.

5. Hadiah

Pemenang Sayembara Penulisan Kreatif Mastera akan menerima hadiah seperti berikut:

iv. Kategori Cerpen

Johan: Wang tunai RM5000.00 dan sijil penghargaan

Naib Johan: Wang tunai RM4000.00 dan sijil penghargaan

Ketiga: Wang tunai RM3000.00 dan sijil penghargaan

v. Kategori Puisi

Johan: Wang tunai RM3000.00 dan sijil penghargaan

Naib Johan: Wang tunai RM2000.00 dan sijil penghargaan

Ketiga: Wang tunai RM1500.00 dan sijil penghargaan

6. Penghantaran Karya

- vi. Setiap penyertaan hendaklah dibuat dan dikirimkan dengan borang penyertaan rasmi (Lampiran B). Biografi penterjemah yang tidak melebihi 100 patah perkataan juga harus disertakan. Penyertaan lewat tidak akan diterima.
- vii. Karya terjemahan sebaik-baiknya ditaip dalam fon Arial, saiz 12 poin dengan langkau dua baris dan dicetak pada sebelah halaman kertas bersaiz A4.
- viii. Panjang karya adalah seperti berikut:
 - i. Kategori Cerpen
Antara 20 hingga 35 baris
 - ii. Kategori Puisi
Antara 2,000 hingga 2,500 patah perkataan
- ix. Tiada nama, alamat atau tanda-tanda pengenalan selain daripada judul dan nombor kad pengenalan harus dinyatakan dalam manuskrip.
- x. Semua penyertaan hendaklah diterima sebelum 1 April 2020 sama ada melalui e-mel atau salinan cetak.
- xi. Pihak Mastera tidak bertanggungjawab atas kehilangan atau kerosakan karya yang dikirimkan melalui pos.

7. Umum

- xii. Mastera berhak meminda syarat dan peraturan sayembara ini.
- xiii. Sekiranya berlakunya sebarang pertikaian, syarat-syarat ini akan ditadbirkan oleh dan ditafsirkan mengikut undang-undang Singapura.

Nota: Urusan pemindahan hadiah wang tunai (cukai dan caj bank) perlu ditanggung oleh penerima.